

28/11/1998

PKMS kecam sikap biadab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) mengecam kebiadaban Al Gore dan mendesak Amerika Syarikat menghayati keadaan perantauan ini dengan lebih sensitif.

Dalam satu surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga dihantar kepada media di sini, hari ini, PKMS memberi amaran kepentingan Amerika dapat digugat di rantau ini.

Setiausaha Agung PKMS, Mohd Rahizan Yaacob, berkata dasar luar negeri Amerika sudah ditewaskan di merata dunia termasuk di Iran, Asia Barat, Afghanistan dan Indo-Pakistan.

"PKMS turut prihatin sebarang pengaruh Amerika di rantau ini boleh mengocakkan suasana keharmonian dan mencetuskan perpecahan dan keganasan, sebagaimana dapat disaksikan terhadap pembabitkan dasar luar Amerika," katanya.

(END)